

**TAMBAHAN KEPADA UCAPAN DASAR KERAJAAN OLEH
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI
SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR BIN
DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR BIN
DATUK HAJI MAHIRUDIN**

(Tambahan ayat di perenggan 1, baris 5)

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk membawa perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap satu perkara yang dewasa ini sangat dekat di hati kita, rakyat Malaysia iaitu tragedi kehilangan pesawat MH370. Justeru, saya dan isteri serta seluruh rakyat negeri ini merakamkan rasa pilu dan dukacita serta simpati atas tragedi kehilangan pesawat tersebut yang berlaku pada 8 Mac 2014 lalu. Kita berdoa dan berharap agar ahli-ahli keluarga para penumpang dan anak-anak kapal yang terlibat dalam tragedi ini bersabar dan tabah dalam menghadapi musibah ini.